



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

*TEKS UCAPAN*

**YANG BERBAHAGIA  
DATO' PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**SEMPENA**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2010**

**Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam  
2.30 petang, 25 Januari 2010**

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan salam sejahtera

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Y.Bhg. Prof. Dr. Haji Mustaffa Mohamed Zain  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Haji Nasuddin Othman  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zaini Abdullah  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal Haji Harun  
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Dr. Hajah Zahrah Mokhtar  
Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Encik Sanip Wahid  
Bendahari  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Tuan Haji Haron Wee  
Ketua Pustakawan  
Universiti Teknologi MARA

Barisan Pengurusan Kanan  
Universiti Teknologi MARA

Para pensyarah serta seluruh warga UiTM

Siswa-siswi yang dikasihi sekalian

## **MUKADIMAH**

### **Ucap Selamat, Kesyukuran dan Penghargaan**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana telah memberi kita ruang waktu dan kesihatan untuk berhimpun pada petang ini, sekali gus memudahkan saya untuk hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan, bagi menyampaikan amanat sulung saya, sejak mengambil alih tugas sebagai Naib Canselor UiTM pada 1hb Januari 2010.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada seluruh warga UiTM. Semoga tahun ini dapat dijadikan titik permulaan untuk kita terus memperkukuh peranan UiTM dalam memperkasa pendidikan tinggi anak-anak bumiputera, dan melebar laluan untuk mereka mencapai kehidupan yang cemerlang lagi terjamin.

Saya rasa masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Salam Tahun Baru Hijriah. Ini sangat bererti, kerana kita kini berada di awal dekad baru dalam takwim Islam. Semoga UiTM akan terus mengorak langkah, maju ke hadapan dalam semangat hijrah, dan bergerak ke satu arah yang lebih sempurna, insya Allah.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih, kepada Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, dan juga Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, atas kepercayaan yang diberikan, untuk saya meneruskan Agenda Melayu melalui pelantikan ini.

Saya menganggap pelantikan ke jawatan Naib Canselor UiTM, sebagai satu amanah yang harus dipikul, demi agama, bangsa dan negara.

Dalam hal ini, tidak sempurna rasanya jika tidak dinyatakan penghargaan saya kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, yang telah banyak berjasa dalam memantapkan kedudukan dan pencapaian UiTM – bukan saja sebagai Naib Canselor, bahkan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai warga akademik UiTM.

Segala jasa dan bakti Y.Bhg. Tan Sri, akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Begitu juga, terima kasih saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan, yang telah mengirim ucapan tahniah dan salam – menyambut kepulangan saya ke UiTM, setelah dua tahun menjalankan tugas di Kementerian Pengajian Tinggi.

Saya sungguh terharu dengan sambutan yang diberikan sekembalinya saya ke UiTM. Sehingga kini, saya masih lagi menerima kiriman ucapan tahniah daripada warga UiTM. Alhamdulillah.

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

#### **Pengalaman, Gagasan dan Wawasan**

Dalam kalangan warga, ada yang menganggap kembalinya saya ke UiTM, ***ibarat sirih pulang ke gagang... ibarat ikan pulang ke lubuk***. Alhamdulillah.

Walaupun tempoh saya berkhidmat di Kementerian Pengajian Tinggi agak singkat, namun ia merupakan satu hijrah yang sarat dengan pengalaman berharga. Saya bersyukur kerana sepanjang tempoh dua tahun itu, saya berpeluang menambah pengetahuan, yang saya harap akan dapat membantu saya mengemudi UiTM ke fasa seterusnya.

Insyah Allah, saya tidak akan mensia-siakan kepercayaan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Menteri. Insyah Allah, saya berhasrat untuk menterjemahkan pengalaman-pengalaman saya, berurusan dengan IPTA-IPTA lain selama dua tahun, bagi tujuan penambahbaikan UiTM. Ini termasuklah memanfaatkan amalan-amalan terbaik di IPTA-IPTA berkenaan untuk dilaksanakan di UiTM.

Untuk melaksanakan amanah ini sebaik mungkin, saya berhasrat memberi sepenuh tumpuan kepada usaha memantapkan semua jentera penggerak UiTM, khususnya, dalam hal:

- Sasaran 200,000 Pelajar
- Pembangunan Pelajar
- Pembangunan Modal Insan
- Pembangunan Akademik
- Penyelidikan dan Inovasi
- Jaringan Industri dan Masyarakat
- Pengukuhan Tadbir Urus
- Pengukuhan Kualiti
- Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur dan akhir sekali
- Pengurusan Kewangan

Insyah Allah, saya yakin semua ini akan dapat dilaksanakan sekiranya kita semua bertekad untuk memberi sepenuh tumpuan kepada agenda ini, dan ketepikan sebarang rasa sangsi terhadap kehadiran saya sebagai Naib Canselor, setelah sembilan tahun bersama Tan Sri Ibrahim Abu Shah.

*I would like to say here that the transition from Tan Sri Ibrahim Abu Shah to me, to assume the Vice Chancellorship, can be likened to the changing of guards, from one brother to another.*

*We have both emerged out of the UiTM system. And the passing of the baton, takes place with the blessings of our father, Tan Sri Arshad Ayob, and those of our elders, Tan Sri Wan Zahid Noordin and Dato' Ahmad Zaidee Laidin.*

*My presence in your midst is to take over from what has been put in place by Tan Sri. And, I hope to do just that.*

*As an engineer, I have been trained to analyse problems and situations. As a leader, it is imperative that I practise fairness. I shall look on the strengths of a person, and never would I dwell on the weaknesses. I would like all the University's management team to do likewise.*

*And so I hope, you will choose not to believe what you hear, based on perception or hearsay. We are all fortunate to be bestowed with intelligence by the Creator. Thus, it is only fair that we use it for the good of all.*

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **● Menghayati Matlamat Asal Penubuhan UiTM**

Hari ini, saya ingin berkongsi agenda dengan tuan-tuan dan puan-puan. Hari ini, saya menaruh harapan agar kita sekata menanam tekad untuk bekerja sebagai satu pasukan; memperkukuh UiTM sebagai wadah untuk memacu kepentingan bumiputera, agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, dalam bidang pengajian tinggi dan sosio-ekonomi – tidak kira di dalam atau di luar negara.

Namun, saya tidak mungkin mampu melakukannya sendirian. Saya perlukan tuan-tuan dan puan-puan untuk sentiasa berada bersama saya, bergerak ke arah matlamat yang sama.

Saya perlukan sokongan dan dukungan seluruh warga UiTM untuk menghayati semula, dan terus menghidupkan semangat penubuhan ITM dan UiTM, di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173).



Bagaimanapun, ini tidak bererti kita akan abaikan komitmen untuk memartabatkan UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menepati ciri-ciri universiti bertaraf dunia.

Malah, kita perlu konsisten melaksanakan penambahbaikan berterusan, bagi memastikan UiTM berupaya meningkatkan pencapaian, agar lebih hebat daripada prestasi kita sebelum ini.

*Our raison d'etre has never been and will never be the same as those of other universities in this country.*

Matlamat penubuhan UiTM – dan ITM sebelum ini – tidak pernah, dan tidak akan sama dengan matlamat di sebalik kewujudan universiti-universiti lain di negara ini.

UiTM lahir pada landasan berbeza dari segi tujuan dan peranan, berbanding dengan IPT lain di Malaysia. Maka, tidak timbul persoalan tentang persaingan antara UiTM dengan universiti-universiti tersebut.

Sejak awal penubuhannya – sebagai Dewan Latihan RIDA, dan seterusnya atas nama ITM – kita berpegang pada matlamat untuk memajukan orang Melayu dan kaum bumiputera lain di Malaysia.

Malahan, UiTM merupakan satu-satunya universiti di dunia yang memperjuangkan hak dan kepentingan kaum pribumi – dengan membudayakan ilmu dan mengupayakan kaum bumiputera di negara ini agar berdaya saing dan berdaya maju dalam pelbagai sektor pasaran kerja.

Hakikatnya, universiti-universiti lain bukan saingan untuk UiTM, dan UiTM bukan saingan untuk universiti-universiti tersebut. Persaingan bagi kita, terletak pada diri kita sendiri.

Bagi UiTM, persaingan wujud dalam bentuk pencapaian kita di masa lalu berbanding dengan pencapaian hari ini; seterusnya, pencapaian hari ini dibandingkan dengan pencapaian hari esok.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **1. Sasaran 200,000 Pelajar**

Saya berhasrat menyempurnakan saranan Kerajaan agar ditambah bilangan pelajar UiTM kepada 200,000 menjelang tahun 2015, seperti yang dinyatakan oleh Y.A.B. Dato' Sri Najib Tun Razak, yang pada ketika itu masih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Oleh itu, strategi dan model terbaik akan terus dilaksanakan untuk tujuan ini. Ini termasuklah menggiatkan usaha untuk mewar-warkan kesemua program yang ditawarkan di UiTM, baik secara sepenuh masa, mahupun separuh masa.

Insyallah, dengan usaha gigih dan sokongan semua warga – tidak kira di peringkat mana sekali pun tuan-tuan berada – saya yakin, kita mampu menepati sasaran 200,000, di samping membuka laluan untuk calon-calon yang layak tetapi tidak terpilih atas sebab teknikal.

Sebagai contoh, terdapat pelajar aliran sains yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM, tetapi memilih program bukan S&T.

Perkara ini boleh terjadi apabila pemilihan diproses secara atas talian, untuk semua IPTA, dan membabitkan jumlah pemohon yang ramai. Yang lebih menyedihkan, apabila mereka atau keluarga, tidak tahu siapa, atau di mana, untuk merujuk bagi mendapatkan nasihat atau bantuan.

Saya sedar masih ada anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah dan miskin yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di UiTM atas pelbagai sebab, walaupun mereka menepati syarat.

Dalam hal mengupayakan bangsa Melayu, pendirian saya adalah jelas – tidak ada seorang pun anak Melayu yang harus tersisih dan disisih dari peluang menuntut ilmu, atas alasan kemiskinan.

Berlandaskan prinsip ini, saya berhasrat untuk menggerakkan jentera UiTM di seluruh negara – menggempur pekan dan pedalaman, merentas desa dan wilayah, mendekatkan UiTM kepada golongan yang kurang bernasib baik, seterusnya melebarkan peluang generasi mereka agar mampu mengubah haluan hidup keluarga.

Jika tuan-tuan dan puan-puan ikhlas berada bersama saya, bekerja sebagai satu pasukan, insya Allah kita akan berjaya melaksanakan dua amanah dalam masa serentak, iaitu:

- Memenuhi sasaran 200,000 pelajar dalam tempoh lima tahun, dan
- Memperkasa martabat bangsa Melayu melalui pendidikan dan ilmu di peringkat pengajian tinggi, seterusnya mengubah nasib bangsa Melayu.

Sebagai warga UiTM – tidak kira apapun latar belakang agama, keturunan dan kaum – saya menaruh harapan, agar tuan-tuan dan puan-puan, bekerja keras dengan ikhlas dan jujur, mendukung wawasan dan hala tuju Universiti, untuk terus mengilmukan generasi bumiputera, agar dapat sama-sama menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

*If we believe in ourselves, then we must believe that we can be the agents of change to change the destiny of our people. Please give change a chance, a chance a change.*

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **2. Pembangunan Pelajar**

Walaupun kita bertekad untuk melaksanakan apa yang disarankan oleh Y.A.B. Dato' Sri Najib untuk menambah kuantiti pelajar, kita harus pastikan bahawa kualiti graduan kita tetap terjamin.

Oleh itu, pembangunan pelajar akan terus diberi perhatian dengan memberi penekanan dalam membentuk modal insan yang mempunyai nilai tambah. Ini bagi menjamin agar graduan kita akan sentiasa menjadi pilihan utama di pasaran kerja.

Untuk memastikan matlamat melahirkan modal insan mampu dicapai, kita akan memantapkan usaha-usaha bagi meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar.

Dan, pendedahan yang diberi haruslah berlaku dalam suasana pengajaran dan pembelajaran – bukan sahaja sebagai sebahagian daripada kokurikulum.

Ini bererti seseorang pensyarah itu, perlu prihatin dalam usaha memperkukuh kemahiran insaniah para pelajar. Usaha juga harus dilakukan untuk mengembangkan budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar kita.

Kita juga perlu memberi keutamaan kepada pembelajaran bahasa asing. Mengambil kira perkembangan dunia masa kini, penting bagi kita melengkapkan para pelajar dengan kemahiran menggunakan bahasa Arab dan Mandarin, khususnya kemahiran bertutur dan membaca.

Ini merupakan nilai tambah untuk graduan UiTM dalam menghadapi pasaran kerja dengan lebih berkesan.

Tumpuan kita ialah menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, dan berupaya melahirkan para pelajar yang fasih dan cekap menggunakan bahasa ketiga berkenaan, sehingga ke tahap yang membolehkan mereka memanfaatkemahiran insaniah tersebut di peringkat global.

Di samping itu, saya berhasrat menjadikan UiTM sebuah universiti yang melahirkan golongan majikan dari kalangan graduan kita – dan bukan sekadar menjadi pekerja – apabila mereka tamat pengajian di UiTM.

Untuk ini, kita akan memantapkan program ke-usaha-wanan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi dan menyeluruh. Para pelajar kita bukan setakat mempelajari satu komponen ke-usaha-wanan, malahan, mereka akan diberi peluang untuk mengikuti program ijazah berkembar atau program ijazah merentas bidang.

Insyaa Allah, pendedahan dan ilmu yang diperolehi dalam bidang perniagaan dapat memberi nilai tambah kepada pelajar kita, sejajar dengan matlamat kita melahirkan majikan yang berdaya maju dan berdaya saing apabila tamat pengajian kelak.

Selain memenuhi tuntutan duniawi, penting bagi UiTM mengimbangi tuntutan akhirat para pelajar kita, yang sebahagian besarnya beragama Islam.

Namun, kita perlu memastikan bahawa pelajar-pelajar kita menjaga hubungan etnik dan memupuk persefahaman agama dengan pelajar bukan Islam di dalam dan di luar UiTM, tanpa mengabaikan kepentingan memupuk jati diri, bukan sahaja sebagai rakyat Malaysia, tetapi juga sebagai orang Melayu yang beragama Islam.

Oleh itu, pelaksanaan agenda pembangunan pelajar perlu diperkukuh bagi membentuk pelajar yang seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Kesemua unsur ini, jika digilap dan diberi tumpuan, akan melahirkan insan yang bertakwa, berwibawa dan amanah.

Tuan-tuan dan puan-puan perlu proaktif bagi memastikan para pelajar UiTM beretika dan berakhlak mulia. Kalau ada yang tak kena, jangan teragak-agak untuk menegur, tetapi secara berhikmah. Merekalah pemuda harapan bangsa dan merekalah pemudi tiang negara.



*We want our students to be towering personalities later when they leave us for the real world.*

Usaha harus dijalankan bagi menjadikan Pusat Islam sebagai pusat tumpuan – bagi pelajar ataupun kakitangan – atau *one-stop centre*, dilengkapi dengan kemudahan fizikal dan kerohanian. CITU boleh memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih teratur, bagi menyemarakkan kegiatan kerohanian untuk seluruh warga UiTM.

*UiTM should have programmes for non-Muslim students and lecturers to understand Islam better. At the same time, we must always have a lot of tolerance for other races and religions.*

Malahan, program yang diadakan perlu berterusan, dan tidak harus terhenti apabila cuti semester.

Melalui jalinan kerjasama dengan pelbagai unit dalaman dan juga agensi Kerajaan serta badan bukan kerajaan, kemudahan yang ada boleh dimanfaatkan sepenuhnya.

Sebagai universiti yang terbina dalam lingkungan masyarakat yang majoritinya Melayu-Islam, CITU dan Pusat Islam boleh memainkan peranan merakyatkan UiTM sebagai gedung ilmu, dan mengilmukan masyarakat setempat melalui program-program kemasyarakatan.

Dengan cara ini, masyarakat setempat akan lebih merasai dan menghargai kehadiran kita, sebagai pelengkap sebuah bandar raya Melayu moden.

Dari segi penempatan pelajar, saya ingin melihat para pelajar disediakan dengan persekitaran yang kondusif, bagi menjana minda yang kondusif untuk pembelajaran.

Ini tidak bererti kita mesti menyediakan penempatan lima bintang. Tetapi perkhidmatan yang diberikan, haruslah bersesuaian dengan taraf sebuah universiti, yang giat berusaha menyediakan prasarana pembelajaran yang canggih dan terkehadapan.

Tidak kira sama ada di kampus induk ataupun di kampus cawangan dan satelit, matlamat kita adalah serupa – iaitu memberi perkhidmatan yang berkualiti.

Contohnya, di sesetengah fakulti, ruang untuk para pelajar berehat pada waktu tengah hari, atau sementara menanti kuliah seterusnya, tidak mencukupi.

Terdapat para pelajar di kampus Shah Alam, yang menggunakan bilik-bilik kuliah yang kosong untuk berehat, ada yang menumpang di perpustakaan, atau berehat di surau.

*As a result, they are left to their own devices, to partake in the much needed rest at lunch-time, day in and day out. This should not be the case.*

Oleh itu, saya berharap Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti, dapat memikirkan kaedah terbaik untuk membantu fakulti menyediakan ruang yang sesuai bagi tujuan ini, agar siswa-siswi kita dapat belajar dan berehat dalam suasana yang kondusif.

Saya juga ingin menyarankan agar dibina Kompleks Pelajar, bagi memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Kompleks serba guna ini boleh dijadikan nadi pembangunan pelajar dari segi kebajikan, riadah, dan juga ber-interaksi dalam suasana yang sihat.

Sediakan ruang yang bersesuaian untuk mereka menjalankan aktiviti yang bermanfaat.

Berikan peluang kepada mereka yang berminat dan berbakat untuk berkecimpung dalam kegiatan perniagaan, selari dengan matlamat kita melahirkan majikan daripada sistem UiTM.

*Many of them are already working part time, outside of the campus to supplement their income, and to gain experience. Among them are those who choose not to apply for study loans, but work on their own to pay for their expenses. This is a good sign, because we have in our midst, students who have the will and the resourcefulness to be financially independent.*

**Hadirin yang dihormati sekalian**

### **3. Pembangunan Modal Insan**

Kita kini semakin hampir ke gerbang dekad baru, alaf ke-21. Ini sangat membawa erti, kerana UiTM telah melalui satu dekad yang dipenuhi dengan pelbagai inisiatif dan usaha penambahbaikan sejak dinaikkan ke taraf universiti.

Pelbagai perkembangan dan pembaharuan dari segi teknologi, proses dan inovasi, telah dapat dinikmati, bagi memudahkan laluan UiTM mendepani cabaran era desa buana (*global village*).

Bagi memastikan warga UiTM sentiasa berada dalam kalangan yang terbaik dan berprestasi tinggi, tumpuan perlu diberi untuk memantapkan usaha membangun modal insan.

Ini termasuklah memenuhi saranan Menteri Pengajian Tinggi dalam Amanat Tahun Barunya baru-baru ini, agar diberi penekanan kepada soal (dengan izin, saya memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri): "... amalan dan penerapan budaya kualiti, inovasi dan *collegiality* atau 'keserakanan'."

Oleh itu, saya berhasrat untuk memasukkan elemen penilaian rakan sejawat dalam proses kenaikan pangkat. Kriteria ini merupakan nilai tambah dalam proses tersebut, bagi memastikan pegawai yang diberi kenaikan pangkat, tergolong dari kalangan insan yang bukan saja menyerlah dari segi pengetahuan dan kepakaran, tetapi juga hebat peribadinya dan tekun menjalin hubungan baik dengan rakan sekerja dan juga para pelajar.

Malahan, penglibatan warga akademik dalam kegiatan pelajar akan dijadikan salah satu kriteria untuk kenaikan pangkat.

Bagi kita di UiTM, sudah tiba masanya kita memupuk semangat setia kawan yang kental dalam kalangan warga akademi, agar segala usaha kita untuk menambah baik Universiti, akan lebih berkesan.

Kita harus ketepikan sebarang perbezaan yang boleh menjejaskan semangat keserakanan yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Setiap warga Universiti perlu memupuk keinginan untuk memberi sepenuh tumpuan bagi menjayakan visi dan misi UiTM, dalam semangat setia kawan, berpandukan keikhlasan dan keluhuran hati.

Kita patut tinggalkan budaya berpuak-puak, agar agenda memperkasa UiTM sebagai sebuah universiti Melayu yang unggul, yang menjadi kebanggaan kita semua, dapat dicapai dengan baiknya.

Bagi warga akademik, saya harap semangat keserakanan akan dijadikan budaya. Saya ingin melihat pensyarah muda diberi bimbingan oleh pensyarah yang sudah berpengalaman.

Sebagai golongan pendidik, kita perlu berfikiran terbuka; menghormati kekuatan rakan sejawat, dan meraikan mereka yang telah mencapai kejayaan, tanpa ada rasa iri hati.

*As the Vice Chancellor, it is my wish to strengthen further the strengths of the university fraternity, and weaken whatever weaknesses that would impede our efforts to elevate the University to the next level, and the next, and the next.*

Untuk terus maju, kita tidak boleh berada di takuk yang lama. Kita tidak boleh berpuas hati dengan tahap pencapaian terdahulu. Kita perlu terus memandang ke hadapan. Pada masa yang sama, kita tidak boleh tergelincir daripada landasan asal, di mana terletaknya batu asas kewujudan kita sebagai sebuah entiti pembela bangsa.

Oleh itu, walaupun saya inginkan agar warga terus berusaha memantapkan aktiviti penyelidikan, menyemarakkan budaya berinovasi dan berkecimpung dalam bidang penulisan dan penerbitan, tetapi kita tidak boleh meletakkan pengajaran dan pembelajaran di tempat kedua.

Malah, tanggungjawab mengajar dan mendidik juga boleh dikongsi dengan warga pentadbir yang berkelayakan. Ini dapat mengurangkan masalah kekurangan tenaga pengajar yang sering menjejaskan perjalanan program akademik yang ditawarkan.

Dalam hal ini, bagi memperkasa UiTM secara menyeluruh, saya berhasrat untuk menawarkan biasiswa di peringkat sarjana dan Ph.D kepada kakitangan pentadbiran yang layak, agar dapat menyumbang dengan lebih berkesan lagi kepada Universiti.

Di samping itu, saya berharap dapat mengurangkan beban tugas bukan akademik bagi para pensyarah, agar dapat memberi lebih tumpuan kepada tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran, dan juga kegiatan ilmiah yang lain.

Oleh itu, jawatan pentadbiran akademik di fakulti akan dikendalikan oleh kakitangan pentadbiran. Bagaimanapun, bagi memastikan matlamat akademik fakulti tidak terjejas, input daripada golongan akademik masih tetap diambil kira. Pihak HEA dengan kerjasama fakulti dan kampus, perlu menjana satu mekanisme bagi tujuan ini.



Apapun kaedah yang digunakan, tindak-tanduk kita perlu sejajar dengan agenda utama UiTM untuk memajukan kaum bumiputera.

Yang penting, kita perlu bersepadu bagi memastikan anak-anak Melayu dan anak-anak bumiputera lain, berjaya dididik mindanya, dan dibentuk sahsiah dirinya.

Penting bagi kita berusaha membentuk profil graduan kita yang serupa dengan profil seorang profesional yang berdaya saing, berdaya maju, berwibawa, dan terpupuk dengan nilai-nilai murni.

Alhamdulillah, setakat ini, dengan wujudnya UiTM, bilangan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang, mula bertambah, bagi mengimbangi bilangan profesional daripada kaum lain. Tetapi, perjalanan kita masih jauh.

Terdapat bidang-bidang tertentu di mana jumlah profesional bumiputera di peringkat pengurusan kanan, masih lagi pada tahap rendah berbanding dengan kaum lain di Malaysia.

Di sini, dapat dilihat bahawa kita perlu terus memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran, tanpa mengabaikan komitmen kita untuk terus menggiatkan usaha dalam bidang penyelidikan.

Insyallah, penglibatan warga dalam penyelidikan akan membantu kita untuk mencapai status universiti penyelidikan suatu hari nanti.

Tidak dapat dinafikan, kebolehpasaran graduan UiTM terletak pada keupayaan warga akademik menyampaikan ilmu kepada para pelajar, melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Manakala, pembabitan kita dalam penyelidikan pula, berperanan memantapkan kerjaya dan kedudukan kita sebagai sarjana dan ilmuwan.

Malahan, kedua-dua cabang akademia ini, merupakan ciri penting, yang memberi nilai tambah kepada warga akademik UiTM. Dan, usaha mempergiat kedua-dua cabang tersebut, sangat penting bagi menjayakan agenda pembangunan modal insan Universiti.

*Insyah Allah, when the time comes, we shall cross the bridge. But for now, being relatively new in the game, we are still at a crossroad. There are still miles to meet, and winding trek to traverse. Much as I believe in giving change a chance, that leads up to “the road not taken...”, it is imperative that we do not lose sight of our objective.*

Yang penting, kita perlu memastikan agar agenda UiTM terlaksana, walau apapun kekangan yang ada. Yang pasti, bilangan profesional bumiputera di semua sektor penting dalam pasaran kerja harus dipertingkatkan, demi memenuhi aspirasi kepimpinan negara mengimbangi penglibatan rakyat, berdasarkan etnik.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **4. Pembangunan Akademik**

Alhamdulillah, pembangunan akademik UiTM sentiasa seiring dengan keperluan semasa. Malahan, kita telah terdahulu membuktikan bahawa kita mampu memikul tanggungjawab besar, mengilmukan anak bangsa dalam pelbagai bidang dan pengkhususan.

*Many of the captains of industry are the product of our system. Not only do they have the pride of place here in UiTM, but they are also the pride of the nation.*

Pencapaian mereka melambangkan kejayaan kita mengukir masa depan anak bangsa dengan baiknya, melalui program-program yang mampu menjadikan mereka pemain hingga ke persada antarabangsa.

Hari ini, bagi menepati tuntutan pasaran kerja alaf baru, yang berteraskan pengetahuan dalam desa buana, kita perlu ketengahkan program-program yang memberi graduan kita nilai tambah apabila memasuki pasaran kerja, dengan memberi penekanan dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Salah satu cara untuk terus berada di barisan hadapan, ialah dengan memperkenalkan program ijazah sarjana muda yang ditawarkan seiring dengan ijazah MBA.

Usaha juga perlu digiatkan bagi memantapkan kursus keusahawanan sedia ada, sekaligus memberi pendedahan yang lebih menyeluruh kepada para pelajar.

Pengetahuan yang mendalam tentang keusahawanan juga dapat membantu dalam usaha untuk menjadikan graduan kita majikan, apabila tamat pengajian.

Bagi melebarkan lagi kebolehpasaran graduan kita, saya berharap seluruh warga akan sama-sama mendukung hasrat saya untuk menawarkan 200 program akademik baru, sebagai nilai tambah, dan sebagai persediaan kita mendepani tuntutan-tuntutan pasaran kerja yang semakin mencabar.

Program-program yang akan ditawarkan termasuklah program-program yang futuristik, agar graduan kita sentiasa terkehadapan dari segi kemahiran, pengetahuan, dan juga peluang untuk sentiasa menjadi pilihan utama apabila menceburi pasaran kerja.

Kita juga perlu menerokai program-program bukan tradisional yang boleh melonjakkan kebolehpasaran graduan kita, khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi.

Namun, ini tidak bererti kita menyisihkan program-program bukan S&T. Malahan, UiTM tetap mengiktiraf peranan fakulti-fakulti bukan S&T dalam memperkasa Agenda Melayu.

Oleh itu, usaha harus dipertingkatkan untuk memantapkan bidang bukan S&T di UiTM melalui program-program yang mampu mengoptimalkan daya kreatif, daya fikir dan kemahiran berkomunikasi para pelajar.

Dengan adanya 24 fakulti, dan juga pusat akademik, tidak mustahil sesuatu yang dianggap drastik itu boleh menjadi kenyataan.

Saya melihat cadangan menawarkan 200 program ini sebagai inisiatif yang menyokong usaha memperkasa Universiti.

Saya yakin kita mampu menongkah arus, dan mengharungi air yang deras, sekiranya kita fokus, dan memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang menyuburkan budaya ilmuwan.

Malah, saya merasakan perlu untuk menjenama semula UiTM bagi memastikan program-program yang ditawarkan sentiasa berdaya saing, dan mampu memenuhi kehendak pasaran kerja industri dan sektor lain.

Kepimpinan di peringkat fakulti perlu berusaha untuk bergerak ke arah yang lebih baik daripada yang pernah dicapai sebelum ini.

Tuan-tuan dan puan-puan perlu bersedia untuk merancang semula strategi pemantapan kurikulum fakulti, agar sentiasa terkehadapan.

Semakan semula kurikulum perlu dilaksanakan secara berkala, dengan mengambil kira keperluan industri. Oleh itu, penting bagi fakulti melibatkan tokoh atau pakar daripada industri, untuk menyumbangkan idea dalam pembentukan kurikulum.

Fakulti juga perlu melebarkan jaringan dan menambah nilai program yang ditawarkan, dengan mengundang pensyarah dari kalangan pengamal bidang dan tokoh-tokoh industri, untuk dilantik sebagai pensyarah industri, felo atau profesor ajung, bagi mengembangkan sempadan ilmu.

Kehadiran mereka dalam kelompok akademia di UiTM juga boleh memudahkan proses pengayaan ilmu dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Saya mengharapkan agar akademia UiTM sentiasa gigih merebut peluang dan mengisi ruang untuk menimba ilmu baru, dan memantapkan ilmu sedia ada.

Saya gembira melihat para pensyarah UiTM, apatah lagi mereka yang dari kalangan profesor, menjana ilmu dan pengalaman melalui program-program sangkutan dengan universiti-universiti luar negara.

Malahan, pengalaman tersebut – dan juga latihan industri di dalam negara – akan diambil kira sebagai salah satu kriteria yang membantu dalam kenaikan pangkat.

Kita tetap serius dengan agenda pengantarabangsaan. Tetapi bukan dengan memberi tumpuan khusus kepada kemasukan pelajar asing di peringkat ijazah sarjana muda. Sebaliknya, usaha kita harus tertumpu kepada dua unsur pengantarabangsaan, iaitu:

Pertama, menghadkan pengambilan pelajar antarabangsa, hanya kepada mereka yang mengambil ijazah sarjana atau kedoktoran.

Kedua, meningkatkan usaha menghantar pelajar dan pensyarah kita ke universiti atau institusi luar negara, sama ada melalui program sangkutan atau program pertukaran.

Inisiatif ini dapat membantu membina nama UiTM di persada dunia.



## Hadirin yang dihormati sekalian

### 5. Penyelidikan dan Inovasi

Kita bertuah kerana telah dinaikkan ke taraf universiti, pada ketika pengajian tinggi negara mula mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi bagi meletakkan universiti-universiti di Malaysia setanding dengan universiti-universiti ternama di dunia.

Melalui transformasi pengajian tinggi ini, UiTM juga berpeluang meningkatkan penglibatan dalam bidang penyelidikan, sekali gus mengubah haluan dan nasib kita sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berperanan mencorak masa depan bangsa Melayu.

Kita tidak harus meremehkan kepentingan bidang penyelidikan. Bagaimanapun, kita tidak harus dihambat oleh pandangan bahawa seorang akademik itu gagal apabila tidak membabitkan diri dalam penyelidikan.

*We should not subscribe to the maxim: "Publish or perish".  
Instead, "Even if you don't publish, you can also flourish."*

Malahan, untuk mendapat kenaikan pangkat ke tahap profesor, warga akademik perlu membuktikan sumbangan mereka kepada Universiti, bukan setakat dalam bentuk penulisan, malahan dari segi sumbangan dan khidmat, pada kesuluruhannya. Ini termasuklah memupuk hubungan baik dengan rakan sejawat dan juga para pelajar.

*To be promoted to a professor, one should not only publish papers but also invent and we also need to look at the person and their total contributions to the University.*

Namun, bagi menjamin prestasi akademik warga UiTM sentiasa cemerlang, kita perlu prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab, dan mengelakkan daripada melakukan amalan memplagiat. Saya harap perlakuan sebegini juga tidak diamalkan dalam kalangan para pelajar.

*Please do not embarrass UiTM.*

Alhamdulillah, pihak Kementerian telah merestui saranan supaya syarat kenaikan pangkat di UiTM tidak tertakluk pada syarat-syarat yang dikenakan oleh IPTA-IPTA lain.

Pada asasnya, saya merasakan mana-mana warga yang mempunyai iltizam untuk berkhidmat kepada Universiti, seharusnya diberi pertimbangan untuk kenaikan pangkat, sekiranya telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Oleh itu, formula untuk kenaikan pangkat di UiTM adalah berdasarkan sistem ganjaran atau *reward system*, khususnya:

**Kenaikan Pangkat = Daya Usaha x Kebolehan x Sikap**  
**[Promotion = Efforts x Ability x Attitude]**

Dalam hal ini, walaupun pengajaran dan pembelajaran itu merupakan tanggungjawab penting bagi warga akademik, namun, yang lebih penting daripada itu ialah keupayaan tenaga pengajar untuk memberi kesan yang mendalam di akhir proses pengajaran dan pembelajaran itu.

*What I am more concerned with, is not so much the number of students who pass, but what is more important is how many have fully understood what has been taught, and can apply that knowledge when they leave for the real world. In other words, it's the impact of teaching and learning that matters more to me.*

Kepada warga akademia UiTM, teruskan usaha tuan-tuan dan puan-puan untuk memperkasa keilmuan, termasuklah dengan:

- Menambah program di peringkat pasca-siswazah
- Menambah anugerah penyelidikan
- Memperkenalkan program pasca-doktoral
- Meningkatkan penerbitan berwasit bahan penyelidikan
- Memastikan hasil penulisan warga dirujuk oleh penyelidik lain
- Menjalin usaha sama dengan penyelidik tersohor
- Mewujudkan Kursi Akademik
- Memperkukuh pusat kecemerlangan

Dalam hal ini, penting bagi UiTM untuk memantapkan fungsi dan peranan pusat kecemerlangan agar lebih berkesan dan berwibawa. Oleh itu, kita perlu mengurangkan bilangan pusat kecemerlangan daripada jumlah yang ada sekarang.

Apa yang perlu diberi keutamaan ialah kualiti dan bukan kuantiti. Ini boleh dicapai dengan menggabungkan pusat-pusat kecemerlangan yang menjurus kepada bidang yang serupa.

Dari segi penglibatan dalam inovasi, para pensyarah yang berkecimpung perlu memikirkan tentang pulangan yang boleh diperolehi daripada pelaburan yang dibuat melalui hasilan mereka.

Saya tumpang gembira sekiranya para pensyarah kita meraih pingat dalam pertandingan inovasi, baik di dalam mahupun di luar negara. Namun, lebih penting daripada itu ialah keupayaan warga menjana sumber kewangan dan keuntungan daripada ciptaan mereka.

Kita juga perlu memastikan ciptaan kita dipaten dan dikomersialkan sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan di luar negara. Langkah ini dapat mengelakkan ciptaan kita daripada dicitlak dan dipaten oleh pihak luar.

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

## **6. Jaringan Industri dan Masyarakat**

Bagi memantapkan kedudukan UiTM dalam kalangan industri dan masyarakat, bahagian dan unit-unit di bawah Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat perlu mempergiat lagi usaha untuk melonjakkan pencapaian kita ke tahap yang lebih tinggi.

Unit-Unit di Pusat Perhubungan UiTM-Industri (UILC) perlu menggaris strategi bagi mencapai sasaran yang lebih tinggi bagi tahun ini.

Usaha-usaha ke arah pengkomersialan harta intelek UiTM harus juga dipertingkatkan. Untuk itu, peranan Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat dalam merangka dasar dan melatih staf dan pelajar berkaitan dengan pengurusan harta intelek dan pengkomersialan hasil penyelidikan, boleh membantu kita mencapai matlamat tersebut.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **7. Pengukuhan Tadbir Urus**

Jelas sekali, UiTM telah meningkat dewasa. Kematangan UiTM terbukti dari segi pencapaian demi pencapaian yang diperolehi dalam pelbagai bidang ilmiah, pengurusan kualiti, dan juga pembangunan pelajar. Kini UiTM bukan lagi sebuah universiti, malah kita telah berkembang menjadi 13 universiti terletak di 13 buah negeri.

Oleh itu, sudah tiba masanya kita memulakan langkah memantapkan proses penurunan kuasa, sama ada di peringkat fakulti, cawangan ataupun pusat-pusat akademik. Usaha memperkemas dan memperluas penurunan kuasa merangkumi bidang tugas pengurusan seperti berikut:

- Hal Ehwal Akademik
- Hal Ehwal Pelajar
- Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- Kewangan dan Perolehan
- Pembangunan dan Infrastruktur
- Pembangunan ICT

Dalam pelaksanaan tadbir urus yang cekap dan berkesan, setiap penurunan kuasa ini akan dipantau bagi memastikan kelancaran proses dan urusan.

Pihak Universiti juga akan memastikan pemantauan ini diurus dengan adil, saksama dan cekap. Sehubungan dengan itu, satu sistem pemantauan akan diguna pakai bagi memantau setiap aktiviti utama yang tersenarai dalam objektif strategik setiap fakulti, cawangan, unit atau pusat di UiTM.

Bagi melicinkan proses pemantauan ini, kita akan memperkenalkan sistem pemantauan di setiap cawangan, fakulti, pusat atau unit. Sistem tersebut, iaitu ePMO, telah pun diperkenalkan semasa saya berada di KPT.

Insyallah, pada amanat saya untuk tahun hadapan, kita akan berkongsi maklumat mengenai prestasi setiap cawangan, fakulti, pusat dan unit, hasil daripada proses pemantauan tersebut.

Matlamatnya adalah jelas: kita perlu memastikan tiada mana-mana bahagian pun yang akan tersasar daripada landasan yang menghala ke arah penambahbaikan – dalam acuan kita sendiri.

Justeru, dalam pada kita bergerak ke hadapan, strategi yang diketengahkan mestilah mengambil kira pembangunan dan kepentingan negara. Oleh itu, kita perlu memanfaatkan kehadiran UiTM di setiap negeri bagi mendukung perkembangan sosio-ekonomi negeri-negeri berkenaan, di samping memantapkan agenda akademik kita.



Dengan ini, saya berhasrat menterjemah gagasan 1 UiTM + 12 universiti (atau kolej universiti) dengan kepakaran masing-masing, yang dipimpin oleh seorang Naib Canselor (atau Rektor).

Jika hasrat ini terlaksana, insya Allah, dalam masa terdekat, UiTM akan berubah menjadi 13 universiti Melayu, merangkumi satu universiti induk dan 12 universiti sokongan.

*The 12 universities, with their respective specialised disciplines, are to address the socio-economic concerns of the respective states. This could be achieved through:*

- *Leverage on the halal product sector, thus making Malaysia an international hub for halal products and services;*
- *Specialisation in programmes according to campuses and regions;*

*UiTM Shah Alam should be the hub of Islamic Banking studies*

*These campuses can be categorised accordingly, as follows:*

- *Perlis – Agro-based Technology and Sport Sciences*
- *Kedah – Information, Policy and Judiciary*
- *Pulau Pinang – Engineering and Biohealth Technology*
- *Perak – Design and Built Environment*
- *Negeri Sembilan – Agro and Life Sciences*
- *Melaka – Arts Heritage, Communication and Tourism*
- *Johor – Technopreneur and Accounting*
- *Pahang – Agro-based, Engineering and Environment*
- *Terengganu – Sustainable Development*
- *Kelantan – Management and Arts*
- *Sarawak – Engineering, Health, Sustainable Development*
- *Sabah – Human Capital and Human Resources*

Saya meminta Pengarah-pengarah Cawangan untuk mengkaji cadangan-cadangan ini, merumuskannya, dan merangkumkan pelan kerja untuk tindakan selanjutnya.

## Hadirin yang dihormati sekalian

### 8. Pengukuhan Kualiti

Untuk sekian lama, amalan kualiti merupakan sesuatu yang telah sehati dengan kehidupan seharian warga UiTM. Tanpa disedari, ramai dari kalangan warga yang berjaya membudayakan kualiti dalam menjalankan tugas.

Bagi tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menghayati nilai-nilai kualiti dalam memenuhi tanggungjawab, saya ingin mengucapkan Syabas. Gaya kerja yang tuan-tuan amalkan, secara langsung menganjak budaya bangsa, ke satu kedudukan yang lebih tinggi.

Sejajar dengan seruan Kerajaan supaya diamalkan pengurusan berhemat, saya berhasrat untuk memperkukuh agenda kualiti kita dengan menilai semula strategi dan perancangan unit-unit kualiti di UiTM agar sentiasa terarah ke haluan yang sama.

Dengan ini juga, kita akan dapat memanfaatkan penggunaan sumber-sumber sedia ada, khususnya peruntukan kewangan dan sumber manusia, dengan lebih cekap dan berkesan.

Apa yang perlu ditekankan di sini ialah kepentingan memaksima hasil tanpa perlu menggunakan sumber yang maksima. Saya harap Pejabat Bendahari mengambil maklum dalam hal ini agar sumber kewangan kita dapat disalurkan bagi tujuan penambahbaikan pengurusan Universiti dengan lebih menyeluruh.

Seterusnya, dalam usaha kita untuk meningkatkan kualiti akademik agar setanding dengan universiti-universiti lain dari segi kebolehpasaran program yang ditawarkan, saya berharap agar jaminan kualiti akademik akan diperkasa, seiring dengan tuntutan MQA.

Sikap dan etika kerja juga mencerminkan nilai kualiti yang dihayati oleh warga. Cerminan kualiti warga, terpamer melalui cara kita melaksanakan tanggungjawab.

Oleh itu, penting bagi kita tidak membelakangkan aspek kualiti dalam menjalankan tugas seharian, dan membudayakan etika kerja berkualiti.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

### **9. Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur**

UiTM kini berada pada satu fasa yang begitu mencabar, sama ada dari segi penambahan bilangan pelajar, ataupun peningkatan prasarana.

Alhamdulillah, UiTM menerima peruntukan yang besar daripada Kerajaan dalam RMK-9. Saya menghargai usaha Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti untuk memenuhi keperluan dan tuntutan Universiti bagi menampung penambahan pada jumlah pelajar dan juga kakitangan.

Namun, harapan saya agar pihak berkenaan berusaha lebih gigih agar pembangunan infrastruktur bergerak seiring dengan keperluan kakitangan dan pelajar.

Ini bagi memastikan urusan pengajaran dan pembelajaran, dan juga keperluan lain yang sinonim dengan sebuah universiti, tidak akan terjejas.

Saya yakin dengan kepakaran yang ada, dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan pelbagai keperluan infrastruktur, merupakan kekuatan bahagian berkenaan.

Dan, sekiranya terdapat sebarang kelemahan yang menghalang pembangunan daripada berjalan lancar, perlulah ditangani sebaik mungkin. Ini termasuklah mengguna pakai kaedah yang paling ringkas, yang dibenarkan dalam prosedur am kerajaan, berhubung dengan projek-projek pembangunan UiTM.

Dalam hal ini, saya yakin akan keupayaan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti menterjemahkan matlamat asal penubuhan UiTM sebagai wadah pemangkin maruah bangsa, melalui pencapaian yang berkualiti dan diwarnai dengan nilai tambah.

Oleh itu, tuan-tuan perlu lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan keperluan warga dapat dipenuhi, tanpa mengabaikan kualiti.

Malahan, semua bahagian yang berkenaan perlu bergerak seiring dari segi kepesatan dan haluan. Tidak ada satu pun unit yang harus tertinggal di belakang, kerana ia akan memberi kesan kepada perancangan, strategi dan matlamat kita untuk sampai ke tahap yang setanding dengan universiti bertaraf dunia. Saya yakin kita mampu melakukannya.

Seperti juga saya yakin bahawa warga UiTM mampu berpegang teguh pada ikrar untuk memberi khidmat kepada pelajar UiTM sebaik mungkin, dengan memainkan peranan kita setulus hati.

Dan, inilah yang saya harapkan berlaku melalui pembangunan prasarana yang mencukupi dan mengikut jadual, seterusnya menyokong keperluan warga, bukan sahaja di Shah Alam, bahkan di kampus-kampus cawangan juga.

Saya harap semua yang berkenaan akan dapat mengimbangi pembangunan prasarana di tempat masing-masing, agar tiada pelajar atau kakitangan yang menerima akibat daripada pembangunan yang tidak seimbang ini.

Usaha-usaha penambahbaikan berterusan hendaklah dilaksanakan agar fakulti-fakulti, kampus-kampus dan semua bahagian di UiTM mencapai tahap keselesaan operasi yang sewajarnya.

Pihak Pembangunan perlu mengenal pasti sebarang kelemahan dan kekurangan untuk terus berkesan dalam memberi khidmat, termasuklah latihan, pengagihan tugas dan penambahan kakitangan.

Di samping itu, UiTM juga perlu memperhebat pembangunan infostruktur, khususnya prasarana dan aplikasi ICT. Walaupun terdapat peningkatan dari segi khidmat yang berikan, namun PSMB harus sentiasa bersedia untuk melebarkan khidmat pakarnya agar dapat dimanfaatkan oleh semua peringkat warga, sepanjang masa.

Ini dapat dicapai melalui latihan yang berterusan untuk warga, sejajar dengan kepesatan teknologi maklumat. Kepesatan ini juga mengharuskan PSMB sentiasa peka akan perkembangan semasa dalam dunia ICT. Ini termasuklah meningkatkan senarai proses dan prosedur di UiTM yang boleh dilaksanakan secara elektronik.

Oleh itu, pihak PSMB hendaklah mengatur strategi yang mantap agar keseluruhan proses dan prosedur di jabatan dapat dilaksanakan secara atas talian.



Perancangan PSMB perlu mengambil kira keperluan menambah bilangan kakitangan teknikalnya. Latihan dan inisiatif penambahbaikan perlu dilaksanakan secara menyeluruh, melibatkan perkongsian ilmu dalam setiap aspek ICT.

Keperluan fasiliti dan infrastruktur, hendaklah dipertingkatkan agar dapat dimanfaatkan oleh warga secara menyeluruh, baik kakitangan mahupun pelajar.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

## **10. Pengurusan Kewangan**

Saya bersyukur kerana UiTM sentiasa mendapat sokongan daripada pihak Kerajaan dalam melaksanakan perancangan-perancangan Universiti yang mendukung Agenda Melayu.

Namun, saya akur bahawa kita tidak boleh sentiasa bergantung nasib kepada pihak Kerajaan sahaja untuk memajukan diri sendiri. Oleh itu, kita akan berusaha dengan gigih bagi memantapkan sumber kewangan melalui pelbagai inisiatif.

Kementerian telah pun mengeluarkan arahan agar universiti mengambil inisiatif menjana 30 peratus daripada sumber kewangan yang diperlukan untuk beroperasi.

Untuk permulaan, kita akan terus mengamalkan perbelanjaan berhemat. Dan tahun ini, kita akan berusaha mengurangkan perbelanjaan kita sebanyak lima peratus.

Di samping itu, UiTM akan memantapkan pengurusan unit-unit penjana kewangan sedia ada, seperti Medec, Upena dan Koperasi UiTM.

UiTM Holdings juga akan memainkan peranan lebih besar sebagai payung untuk unit-unit yang berkenaan. Fakulti juga perlu berusaha bagi menjana sumber kewangan melalui pelbagai inisiatif yang difikirkan sesuai.

Insya Allah, saya berhasrat agar kita menubuhkan sebuah entiti persendirian, yang boleh beroperasi secara komersial. Dengan cara ini, saya yakin kita boleh menjana kewangan setanding dengan apa yang dinikmati oleh universiti atau kolej swasta. Pada masa yang sama, UiTM akan terus memainkan peranan, berlandaskan Akta 173.

## Hadirin yang dihormati sekalian

### Pengakhir Kata

Tahun ini bertemakan **Kreativiti dan Inovasi**. Maka, tahun ini saya menaruh harapan agar warga mengupayakan diri untuk menterjemahkan tema tersebut menjadi tindakan dan amalan.

Tetapi sebelum kita melangkah lebih jauh lagi, saya mengambil peluang sekali lagi, untuk merakamkan penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan, kerana sama-sama memainkan peranan melakar masa depan anak bumiputera agar lebih terarah dan lebih cerah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada warga akademik UiTM yang bukan bumiputera, kerana sama-sama memikul tanggungjawab memberi ilmu kepada anak bumiputera agar setanding dengan kaum lain.

Saya harap tuan-tuan dan puan-puan akan terus bersama kami, berkongsi harapan dan matlamat, berlandaskan tuntutan Perlembagaan, dalam semangat Satu Malaysia.

Seterusnya, saya berharap agar semua warga UiTM akan sentiasa menjaga nama baik Universiti, dengan berpegang teguh kepada falsafah di sebalik penubuhan UiTM sebagai sebuah gedung ilmu.

Jangan sekali-kali melakukan sesuatu yang boleh memalukan Universiti ini. Sayangilah UiTM seperti saya menyayangi UiTM.

*My love for UiTM started some 40 years ago – as a student, and later as a staff, and now, as its man at the helm. I have no personal agenda, but to translate my passion to serve UiTM into doables and deliverables.*

*I pray to Allah that my wisdom will grow with the power bestowed upon me, and to teach me that the less I use my power, the greater it will be.*

*While nobody is perfect, I believe that everyone is “perfectable”.*

*Ladies and gentlemen,*

*I have said and shared with you many ideas. I wish for you to embrace them. Your views and input are most welcome. Please feel free to write or email me your thoughts for further improvements.*

*My plan is to go on a roadshow to meet and hear you out. I hope you will not hesitate to be open and express your views. Insyallah, I will take them into consideration in the implementation of procedures and policies.*

*Let's work together as a team, with one sole purpose in mind, to make UiTM better than it is now.*

Sebelum saya mengakhiri amanat saya petang ini, saya mendoakan semoga tuan-tuan dan puan-puan, serta siswa-siswi sekalian, akan terus dipelihara Allah s.w.t, lantaran dianugerahkan dengan hati yang terang dan tabah, jiwa yang tenang, fikiran yang tajam, dan dipermudahkan urusan, dikurniakan kebijaksanaan untuk memupuk hubungan harmonis sesama warga, serta dikurniakan kekuatan, berusaha ke arah pembentukan jati diri dan semangat juang, demi kelangsungan bangsa yang perkasa.

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.